

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
BILANGAN 8 TAHUN 2019

TARIKH : 27 OGOS 2019 (SELASA)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING,
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

HADIR

1. Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, *S.I.S.,P.P.T.* - Pengerusi
(Yang Dipertua)
2. YDM Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin - Ahli Majlis
Tengku Harun, *D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.*
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. Encik Wong Kim Loon - Ahli Majlis
4. Encik Rosdi bin Meor Endut - Ahli Majlis
5. Encik Mat Irwan bin Ismail - Ahli Majlis
6. Encik Hamzah bin Abu Bakar - Ahli Majlis
7. Cik Ang Lee Yong - Ahli Majlis
8. Encik Ang Eu Liang - Ahli Majlis
9. Encik Nadasan a/l Subramani - Ahli Majlis
10. Encik Gan Yee Chin - Ahli Majlis
11. Encik Teh Eng Teck - Ahli Majlis
12. Encik Lim Tou Yih - Ahli Majlis
13. Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman - Ahli Majlis
14. Encik Munusamy a/l Erishin - Ahli Majlis
15. Encik Razali bin Ahmad - Ahli Majlis
16. Puan Nor Aishah binti Abdul Majid - Ahli Majlis
17. Encik Sethupathy a/l Subramaniam - Ahli Majlis
18. Encik Baharudin bin Misran - Ahli Majlis
19. Puan Rahimah binti Harun - Ahli Majlis
20. Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam - Ahli Majlis

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 21. | Encik Low Kok Hua | - | Ahli Majlis |
| 22. | Puan Norhaninawati binti Mohd Yusof | - | Ahli Majlis |
| 23. | Puan Siti Nor Eaini binti Nasuka | - | Ahli Majlis |
| 24. | Encik Yunis Khalis binti Abdul Manap | - | Ahli Majlis |
| 25. | Encik Mohd Yasin bin Alwi, <i>A.I.S.</i> | - | Setiausaha |

TURUT HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 1. | Encik Miskon bin Haji Karim, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Khidmat Pengurusan |
| 2. | Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i> | - | Pengarah Jabatan
Perbendaharaan |
| 3. | Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Kejuruteraan |
| 4. | Tuan Haji Arpaaii bin Haji Sanat, <i>A.M.S., P.P.T., P.K.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Perancangan Pembangunan |
| 5. | Tuan Haji Zailani bin Hashim, <i>P.P.T., P.K.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Kawalan Bangunan |
| 6. | Encik Hishamuddin bin Ismail, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan Pelesenan |
| 7. | Encik Syamsol Herwan bin Ahmad | - | Pengarah Jabatan Pengurusan
Sisa Pepejal dan Kesihatan
Persekitaran |
| 8. | Puan Lisawati binti Abd. Karim | - | Pengarah Jabatan
Penilaian dan Pengurusan
Harta |
| 9. | Puan Norain binti Mohamed | - | Pengarah Jabatan
Pembangunan Masyarakat |
| 10. | Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap | - | Pengarah Jabatan
Landskap |
| 11. | Puan Nordila binti Yasir | - | Pengarah Jabatan
Penguatkuasaan |
| 12. | Tuan Haji Fauzi bin Din, <i>P.J.K.</i> | - | Ketua Unit Perundangan |
| 13. | Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim | - | Ketua Unit OSC |
| 14. | Ybhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai@
Subaramaniam | - | Ketua Unit Audit Dalam |
| 15. | Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan | - | Ketua Unit Korporat dan
Perhubungan Awam |

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------------------|
| 16. | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin | - | Ketua Bahagian Teknologi Maklumat |
| 17. | Encik Muhammad Asyraf bin Mohammad Jasni- | | Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan |
| 18. | Tuan Haji Ngadni bin Mohamad, , P.J.K. | - | Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan |

DIJEMPUT HADIR

- | | | | |
|----|--|---|-------------------------|
| 1. | Yang Berhormat Tuan Lau Weng San
ADUN Banting | - | Pemerhati |
| 2. | Encik Mohamad Hamka | - | Angkasa |
| 3. | Encik Mohd Farid bin Omar | - | Angkasa |
| 4. | Encik Wan Syahrulriza bin Zainal Abidin | - | Angkasa |
| 5. | Puan Nur Mukhlis binti Noordin | - | Inteck |
| 6. | AR. Ehwan Saring | - | Arkitek Ehwan Sdn. Bhd. |
| 7. | Puan Sabihah binti Kamaruddin | - | HFM Daya Bina Sdn. Bhd. |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|-----------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Haridass a/l Ramasamy | - | Ahli Majlis |
|----|-----------------------------|---|-------------|

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

- | | | | |
|----|------------------------------------|---|-----------------------------|
| 1. | Puan Nurfadhilah binti Jalaludin | - | Pegawai Tadbir |
| 2. | Puan Nur Hazlynda binti Sahimi | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 3. | Puan Rosmawati binti Othman | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 4. | Encik Mohd Sahlan bin Tukiran | - | Pembantu Operasi |
| 5. | Encik Noor Ridhuan bin Abdul Jalil | - | Pembantu Operasi |

PERKARA	TAJUK PERKARA	TINDAKAN
1.0	BACAAN DOA	
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Haji Fauzi bin Din, Ketua Unit Perundangan.	Makluman
2.0	PEMBENTANGAN SISTEM MDKL-ADU OLEH AGENSI ANGKASA MALAYSIA	
	2.1 <u>Pengenalan</u> <ul style="list-style-type: none"> • SmartCity adalah projek yang dibangunkan di bawah geran <i>TechnoFund</i> daripada MOSTI (MESSTEC). • Inisiatif ini diketuai oleh Agensi Angkasa Negara Malaysia, berkolaborasi bersama Geoinfo Services Sdn. Bhd. dan Universiti Putra Malaysia (UPM). • SmartCity adalah enjin carian yang menggunakan teknologi GeoSpatial untuk menambah baik perkhidmatan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (MDKL) kepada orang awam. • SmartCity merangkumi Portal Rasmi, Pentadbir Sistem, Sistem Web dan Aplikasi Telefon Pintar. 	Makluman
	2.2 Ciri-ciri Sistem MDKL-ADU <ul style="list-style-type: none"> • Elemen Teknologi Terkini • Penglibatan Orang Awam • Teknologi Mudah Alih • Inspirasi Teknologi Angkasa • Sistem Pemantauan Setempat • Pengurusan Tugas Sistemik 	Makluman
	2.3 <u>Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh ahli mesyuarat</u> <ol style="list-style-type: none"> 1. Encik Ang Eu Liang mencadangkan penambahan satu item di dalam Sistem MDKL-ADU iaitu alamat lokasi. 2. Berkenaan nombor cukai taksiran di dalam Sistem MDKL-ADU, Encik Ang Eu Liang ingin 	Makluman

		<p>mengetahui bilangan orang yang dihadkan berdaftar sebagai rujukan bagi setiap nombor cukai taksiran.</p> <p><i>Dimaklumkan setakat ini, satu nombor cukai taksiran dihadkan untuk tiga orang.</i></p> <p>3. Dari segi maklumbalas aduan yang telah selesai, Encik Wong Kim Loon ingin tahu adakah pihak Majlis boleh memuat naik gambar aduan yang telah selesai dalam sistem.</p> <p><i>Sebagai makluman, pelaksana boleh mengemaskini status aduan yang telah selesai beserta gambar di dalam sistem.</i></p> <p>4. Encik Mohd Firdaus memaklumkan sistem ini akan ditambahbaik dari semasa ke semasa dan akan digunakan mulai 1 September 2019.</p> <p>5. Puan P. Umananthini ingin tahu tempoh masa yang ditetapkan oleh MDKL untuk menyelesaikan sesuatu aduan.</p> <p><i>Dimaklumkan pihak MDKL menggunakan prosedur sedia ada iaitu penyelesaian dalam tempoh 14 hari sekiranya aduan tidak melibatkan peruntukan.</i></p> <p>6. Encik Gan Yee Chin ingin tahu kos yang terlibat untuk sistem ini.</p> <p><i>Dimaklumkan kos yang terlibat adalah sebanyak RM20 ribu dan penyelenggaraan dibuat berdasarkan keperluan.</i></p>	
3.0	UCAPAN Pengerusi		
	Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran YDM Orang Besar Daerah, YB. ADUN, Ahli-ahli Majlis, Timbalan Yang Dipertua dan Pengarah-Pengarah Jabatan pada mesyuarat hari ini.		

4.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT		
	4.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT BILANGAN 7 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 18 JULAI 2019	
		<p>Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Encik Nadasan a/l Subramani dengan pindaan berikut:</p> <p>i. <u>Perkara 5.3 (m.s.10)</u></p> <p>Hal ini turut disokong oleh Encik Gan Yee Chin kerana Kontraktor Utama tidak pernah menghadiri mesyuarat berkaitan bangunan MDKL di mana semua penerangan dan pembentangan laporan dilakukan oleh sub-kontraktor tersebut dipinda kepada Hal ini turut disokong oleh Encik Gan Yee Chin kerana Kontraktor Utama ada menghadiri mesyuarat berkaitan bangunan MDKL tetapi semua penerangan dan pembentangan laporan dilakukan oleh sub-kontraktor tersebut.</p>	Makluman
5.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
	PEMBENTANGAN STATUS KEMAJUAN PEMBINAAN BANGUNAN PEJABAT BAHARU MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT OLEH ARKITEK EHWAN SDN. BHD.		
	5.1	Pihak Juruperunding telah membentangkan berkenaan Halatuju Kontrak seperti di Lampiran A.	Makluman

5.2	<p><u>Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh ahli mesyuarat</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ketua UPUB memaklumkan pihak Majlis masih menunggu kelulusan Pegawai Kewangan Negeri (PWN) berhubung permohonan proses sebut harga secara lantikan terus bagi kontraktor pakar bagi kerja ujian semula PIT dan PDA. 2. Encik Rosdi memaklumkan beliau tidak berpuas hati dengan Konsultan CNS kerana tidak membuat sebarang penambahbaikan. 3. Encik Teh Eng Teck memaklumkan ahli mesyuarat mengharapkan ujian PIT dan PDA telah ada keputusan selepas beberapa kali perkara ini dibincangkan. 	Makluman
5.3	Pihak sub-kontraktor, HFM Daya Bina Sdn. Bhd., telah membentangkan laporan penstrukturan projek.	Makluman
5.4	<p>Encik Gan Yee Chin ingin tahu samada projek sakit yang pernah pihak sub-kontraktor siapkan sebelum ini ada mengalami masalah yang sama seperti projek bangunan pejabat baharu MDKL.</p> <p><i>Dimaklumkan sub-kontraktor pernah mengalami masalah yang sama sebelum ini iaitu projek Kompleks Pangkalan Marin Kastam yang terletak berhampiran muara sungai Gelang Patah, Johor di mana struktur tapak tersebut adalah berpasir.</i></p>	Makluman
5.5	Berhubung permohonan proses sebut harga secara lantikan terus bagi kontraktor pakar bagi kerja ujian semula PIT dan PDA, Tuan Setiausaha memaklumkan berkemungkinan kelulusan akan diperolehi dalam minggu ini dan proses ujian dan penyediaan laporan akan memakan masa selama tiga bulan.	Makluman

6.0	MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	6.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 8 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 6 OGOS 2019	
	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:		
	i.	<p><u>Perkara 3.4 (m.s.3)</u></p> <p>Cik Ang Lee Yong memaklumkan terdapat taman perumahan baru seperti Taman Nilam yang telah mendapat kelulusan CCC dan CF tetapi masih belum mendapat perkhidmatan pengurusan sisa pepejal daripada pihak KDEB.</p> <p><i>Pengarah JPSPKP memaklumkan sebaik sahaja pihak pemaju menghantar permohonan CCC kepada Unit OSC, salah satu sokongan adalah daripada JPSPKP. Selepas pihak jabatan membuat pengiraan kos di tapak, caj akan dikenakan kepada pemaju selama 6 bulan. Untuk pemotongan rumput dan penyelenggaraan longkang, pihak pemaju akan diminta membuat penyelenggaraan dahulu sebelum pengambilalihan dibuat oleh pihak Majlis.</i></p>	Makluman
	6.2	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 8 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 6 OGOS 2019	
	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:		

	i.	<p><u>Perkara 3.2 (m.s.5)</u></p> <p>Encik Gan Yee Chin memaklumkan beliau bersama Encik S. Nadasan telah turun padang ke kawasan perindustrian Bandar Mahkota dua minggu yang lalu. Didapati jalan kotor di Persiaran Bandar Mahkota berpunca daripada lori milik Kilang Best Eternity. Beliau mencadangkan sebelum lori tersebut keluar ke jalan utama, tayar lori perlu dicuci terlebih dahulu. Beliau juga memaklumkan lori tersebut tidak menggunakan kanvas untuk menutup timbunan tanah yang dibawa.</p>	JPK
	ii.	<p><u>Perkara 5.2.1 (m.s.7)</u></p> <p>Encik Ang Eu Liang memaklumkan jawapan yang diberikan oleh pihak JKR dalam mesyuarat tidak sama dengan keadaan di tapak kerana lampu jalan dari Sungai Sedu hingga Telok Panglima Garang masih belum menyala.</p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan kemungkinan pembaikan lampu jalan dibuat secara berperingkat. Beliau juga telah membangkitkan perkara ini di peringkat Kerajaan Negeri supaya jalan sedia ada diberi keutamaan berbanding projek membina jalan baru.</i></p> <p><i>Puan P. Umananthini memaklumkan beliau bersama YB. ADUN Banting telah mengadakan perbincangan dengan pihak JKR berhubung masalah lampu jalan dan pihak mereka memberi jawapan tiada peruntukan untuk menjalankan kerja pembaikan.</i></p>	Makluman

6.3	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 8 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 OGOS 2019	
	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
i.	<p><u>Perkara 3.1 (m.s.4)</u></p> <p>Encik Mat Irwan memaklumkan beliau bersetuju dengan cadangan supaya diadakan perjumpaan bersama pemilik kilang tanpa kebenaran bagi menerangkan tentang program pemutihan. Diharap perkara ini dapat dihebahkan di dalam laman web untuk makluman orang awam.</p> <p><i>Dimaklumkan program ini akan diadakan pada akhir bulan September 2019. Buat masa ini, pihak jabatan sedang mengumpulkan maklumat seperti kelulusan Kebenaran Merancang, kelulusan tukar syarat dan kelulusan pelan bangunan. Pihak jabatan akan membuat lawatan ke 196 buah kilang untuk pengesahan status.</i></p>	Makluman
ii.	<p><u>Perkara 4.1.1 (m.s.5)</u></p> <p>Berkenaan peruntukan MARRIS bagi dua DUN yang tidak dibelanjakan sepenuhnya, Encik Gan Yee Chin mencadangkan peruntukan tersebut disalurkan ke DUN yang memerlukan.</p> <p><i>Pengarah JK memaklumkan peruntukan tersebut boleh disalurkan ke DUN yang lain dengan syarat perlu mendapat kebenaran daripada DUN yang asal.</i></p>	Makluman

	iii.	<p><u>Perkara 4.1.2 (m.s.5)</u></p> <p>Berkenaan caj pemajuan yang digunakan untuk projek pembinaan dewan dan kerja-kerja infrastruktur awam, Cik Ang Lee Yong memaklumkan terdapat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang meminta pihak pemaju membina bangunan seperti dewan, tadika dan surau sebelum diserahkan kepada PBT.</p> <p><i>Pengarah JPP memaklumkan dalam kelulusan tukar syarat tanah jelas menyatakan pihak pemaju menyerahkan tanah kepada pihak Kerajaan sama ada PBT atau agensi kerajaan lain di mana pembinaan tidak disyaratkan kepada pemaju.</i></p>	Makluman
	6.4	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 8 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 OGOS 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><u>Perkara 5.6.1 (m.s.10)</u></p> <p>Berkenaan kutipan caj RM0.20 sen bagi penggunaan beg plastik di pasaraya-pasaraya, Encik Ang Eu Liang memaklumkan pada tahun 2017, pihak Pasaraya 99 Speedmart telah mendermakan sebanyak RM500, 000 untuk program CSR di Majlis Perbandaran Klang (MPK). Oleh itu, beliau mencadangkan pihak Majlis mengadakan program CSR dengan Pasaraya 99 Speedmart.</p> <p><i>Pengarah JPP memaklumkan pihak jabatan telah mengadakan perjumpaan dengan lapan orang pengusaha pasaraya pada minggu lepas. Perkara ini telah dibincangkan dan pengusaha memaklumkan kutipan caj RM0.20 sen digunakan untuk program-program kebajikan. Pihak jabatan juga merancang untuk mengadakan program CSR bersama pihak mereka.</i></p>	Makluman

	6.5	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 8 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 OGOS 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><u>Perkara 4.1 (m.s.3)</u></p> <p>Encik Wong Kim Loon memohon laporan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat dihantar melalui emel kepada semua Ahli Majlis sebelum mesyuarat berlangsung.</p>	JPL
	ii.	<p><u>Perkara 4.5.1 (m.s.6)</u></p> <p>Encik Ang Eu Liang memaklumkan telah mendapat maklumat daripada pemilik kilang yang menyatakan pemberian lesen perniagaan sementara untuk kilang tanpa kebenaran bagi tempoh enam bulan dan boleh diperbaharui selepas tamat tempoh tersebut.</p> <p><i>Pengarah JPL memaklumkan terdapat salah faham berkenaan perkara ini di mana lesen sementara hanya diberikan kepada kilang tanpa kebenaran untuk menjalankan kerja pentadbiran sahaja dan bukan untuk menjalankan operasi.</i></p>	Makluman
	6.6	MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BILANGAN 2 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 OGOS 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman

	6.7	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 8 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 OGOS 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><u>Perkara 5.1.1 (m.s.11)</u></p> <p>Berkenaan cadangan penutupan Dewan Orang Ramai Banting untuk digunakan sebagai stor simpanan barangan sitaan cukai taksir, Cik Ang Lee Yong berharap cadangan ini dapat dikaji semula.</p> <p><i>Pengarah JPPH memaklumkan penggunaan di Dewan Orang Ramai Taman Sri Putra lebih tinggi berbanding Dewan Orang Ramai Banting yang hanya digunakan untuk sukan badminton sahaja. Orang awam boleh menggunakan Dewan Orang Ramai Taman Sri Putra, Kompleks Sukan MDKL dan Dewan Orang Ramai Banting Baru untuk menjalankan aktiviti sukan.</i></p>	Makluman
	6.8	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 8 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 OGOS 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><u>Perkara 5.1.3 (m.s.4)</u></p> <p>Encik Mat Irwan ingin tahu lokasi premis menjual arak berlesen yang menjual arak sehingga awal pagi.</p> <p><i>Dimaklumkan lokasi premis adalah di Jalan Bandar Lama, Pulau Carey.</i></p>	Makluman

7.0	MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	7.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BIL 13 TAHUN 2019 MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 JULAI 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	7.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BIL 14 TAHUN 2019 MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN 26 JULAI 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
8.0	PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN		
	8.1	<p><u>ADDENDUM 1</u> PERMOHONAN PINDAH PERUNTUKAN BIL.3/2019 Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u>Latar Belakang</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Setiap tahun Pihak Majlis akan menyediakan peruntukan secara menyeluruh bagi semua jabatan untuk disahkan oleh Mesyuarat Majlis dan di bawa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan. Namun begitu, terdapat vot peruntukan yang tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan tahun semasa. • Permohonan pindah peruntukan ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 58, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan membuat pindah peruntukan bagi belanjawan PBT yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. 	JP

		<ul style="list-style-type: none"> • Pada 20 hingga 22 Ogos 2019, satu Mesyuarat Kajian Semula Bajet 2019 dan Anggaran Belanjawan 2020 telah diadakan di Berjaya Waterfront Hotel Johor Baharu bagi membincangkan hal-hal berkaitan hasil dan belanjawan MDKL pda tahun 2019 dan cadangan hasil dan belanjawan 2020. Antara perkara lain yang dibincangkan pada mesyuarat tersebut adalah berkenaan pindah peruntukan (viremen) bagi perbelanjaan-perbelanjaan jabatan yang tidak mencukupi sehingga Disember 2019. <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini.</p>	
9.0	UCAPAN PENANGGUHAN		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Lim Tou Yih,		
	i.	Beliau mengucapkan selamat sejahtera kepada Tuan Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, YDM. Dato' Orang Besar Daerah, YB. ADUN Banting, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan serta Urus setia Mesyuarat.	Makluman
	ii.	Beliau mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada beliau menyampaikan ucapan penangguhan pada mesyuarat hari ini.	
	iii.	Beliau memaklumkan walaupun kadang kala tidak sependapat, namun beliau berasa bangga menjadi warga MDKL kerana warga kerja MDKL telah membuktikan semangat bekerjasama yang tinggi untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk.	Makluman

	iv.	Sementara menanti MDKL dinaik taraf ke Majlis Perbandaran, beliau menasihatkan supaya semua pihak "menyediakan payung sebelum hujan" kerana faktor ketidakpastian ekonomi global semakin meningkat dan dijangka akan memberi impak yang besar kepada negara.	
	v.	Menjelang Hari Kemerdekaan yang ke 62 tahun, beliau menyeru semua pihak bersama-sama memperingati dan menghargai jasa serta pengorbanan tokoh Pahlawan Negara yang telah bersusah payah berjuang demi bangsa dan negara. Akhir kata, beliau mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan dan Selamat Menyambut Awal Muharam kepada semua ahli mesyuarat.	
10.0		UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi	
		Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.	Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Daerah Kuala Langat

Tarikh : 30 Ogos 2019

MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
BILANGAN 8 TAHUN 2019

Disemak oleh :



.....
(MOHD YASIN BIN ALWI, A.I.S.)
Setiausaha,
Majlis Daerah Kuala Langat

Disahkan oleh :



.....
(MOHAMAD ZAIN BIN A HAMID, S.I.S.,P.P.T.)
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh
dan disokong oleh


PETUNJUK :

- | | | |
|-------------|---|--|
| 1. JKP | - | JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN |
| 2. JP | - | JABATAN PERBENDAHARAAN |
| 3. JPPH | - | JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA |
| 4. JPL | - | JABATAN PELESENAN |
| 5. JPP | - | JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN |
| 6. JK | - | JABATAN KEJURUTERAAN |
| 7. JKB | - | JABATAN KAWALAN BANGUNAN |
| 8. JL | - | JABATAN LANDSKAP |
| 9. JPM | - | JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT |
| 10. JPK | - | JABATAN PENGUATKUASAAN |
| 11. JPSPKP- | - | JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN |
| 12. BTM | - | BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT |
| 13. UU | - | UNIT PERUNDANGAN |
| 14. UAD | - | UNIT AUDIT DALAM |
| 15. OSC | - | UNIT PUSAT SETEMPAT |
| 16. PRO | - | UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM |
| 17. COB | - | UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN |
| 18. UPUB | - | UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN |

TAKLIMAT HALATUJU KONTRAK

CADANGAN DAN MENYIAPKAN :-

- a) **BANGUNAN BARU 9 TINGKAT**
 - b) **SEBUAH PONDOK PENGAWAL SATU TINGKAT**
 - c) **SEBUAH PENCAWANG ELEKTRIK SATU TINGKAT**
 - d) **TANGKI AIR LUARAN DAN RUANG PAM AIR**
 - e) **SEBUAH LOJI RAWATAN KUMBAHAN**
- DI ATAS LOT P.T 2164, SEKSYEN 3, BANDAR BANTING,
MUKIM TANJUNG DUA BELAS, DAERAH KUALA LANGAT,
SELANGOR DARUL EHSAN**
- UNTUK : TETUAN MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
(MDKL)**



27hb. Ogos 2019

PERBANDINGAN KESAN MASA ATAS TINDAKAN KONTRAK

Bil.	Perkara	Kontrak Diteruskan		Kontrak Retender
		Kerja Ujian PIT dan PDA Dilantik oleh Kontraktor	Kerja Ujian PIT dan PDA Dilantik oleh MDKL	
1	Lantikan oleh MDKL untuk Kerja Ujian PIT dan Ujian PDA	-	1 bulan	1 bulan
2	Kerja Ujian PIT dan Ujian PDA termasuk laporan ujian	1½ bulan	1½ bulan	1½ bulan
3	Rekabentuk kerja baikpulih cerucuk dan tetopi cerucuk termasuk penyediaan lukisan	1½ bulan	1½ bulan	1½ bulan
4	Penyediaan Dokumen Tender	-	-	2 bulan
5	Panggilan Tender	-	-	1 bulan
6	Tender Evaluation and Tender Award	-	-	2 bulan
7	Pembinaan untuk kerja baikpulih cerucuk dan tetopi cerucuk	5 bulan	5 bulan	5 bulan
8	Kerja pembinaan seperti kontrak sedia ada (baki kerja yang belum disiapkan)	9 bulan	9 bulan	20 bulan
JUMLAH TEMPOH MASA		17 BULAN	18 BULAN	34 BULAN
TARIKH SIAP		22hb Disember 2020	22hb Januari 2021	22hb Mei 2022
*Tarikh mula dikira bermula dari item 1 iaitu pada 5hb Ogos 2019		PERBEZAAN :- 16 BULAN		

**KE ARAH PENAMATAN KONTRAK
- SUDUT KONTRAK -**

**KLAUSA-KLAUSA YANG BOLEH DIGUNAPAKAI BAGI TUJUAN PENAMATAN
KONTRAK**

KLAUSA	PERKARA
5.0 (Arahan Pegawai Penguasa)	<p>5.1 The S.O. may from the time to time issue further drawings, details and/or written instruction (.. of which are hereafter collectively referred to as "S.O.'s instruction") in regard to-</p> <p>(f) The opening up for inspection of any work covered up;</p> <p>(h) Any matter which is necessary and incidental to the carrying out and completion of the Works under this Contract; and</p> <p>(i) Any matter is respect of which the S.O. is expressly empowered by this Contractual issue instructions.</p>
51.1 (a)(iii)	<i>Fails to proceed regularly and diligently with the performance of his obligations under the contract;</i>
51.1 (a)(iv)	<i>Fails to execute the Works in accordance with the Contract;</i>
51.1 (a)(vi)	<i>Refuses or persistently neglects to comply with a written notice from the S.O. in relation to any defective work or equipment, materials or good which are defective or do not meet the requirements of the Contract;</i>

KE ARAH PENAMATAN KONTRAK - SUDUT KONTRAK -

TATACARA PENAMATAN KONTRAK

BIL PERKARA

- 1.0 Mengikut prosedur di dalam Buku Panduan Pentadbiran Kontrak JKR, Edisi Ketiga
- 2.0 Surat Peringatan dari Arkitek Ehwan Sdn. Bhd. (AESB) kepada Pihak Kontraktor

Surat Amaran/Peringatan


	Tarikh
1. Kelewatan Kemajuan Kerja – HFM 021	18/5/19
2. Kelewatan Kemajuan Kerja	29/8/19
3. Surat Peringatan Kelewatan Kerja (Kali Pertama) – AESB 17/OF326- HFM031	2/10/18
4. Kemajuan Kerja Pencawang Elektrik – HFM036	19/11/18
2: Surat Peringatan Kelewatan Kerja (Kali Kedua) – AESB 17/OF326 – HFM039	8/01/19

KE ARAH PENAMATAN KONTRAK - SUDUT KONTRAK -

TATACARA PENAMATAN KONTRAK		
BIL	PERKARA	
3.0	Surat Peringatan dari KHZAM Sdn. Bhd. (KHZAM) Kepada Pihak Konraktor	
	1. Status Kemajuan Kerja-kerja STP – KHZ/MDKL/B.PEJ/(02)/-17-134/(142)	29/1/19
	2. Proposed Design Zone A & Zone B-Method Statement of Rectification Piling Work (Peringatan Pertama) - KHZ/MDKL/B.PEJ/(02)/-17-134/(141).	29/1/19
	3. Proposed Design Zone A & Zone B-Method Statement of Rectification Piling Work (Peringatan Kedua) - KHZ/MDKL/B.PEJ/(02)/-17-134/(154).	7/3/19
	4. Proposed Design Zone A & Zone B-Method Statement of Rectification Piling Work (Peringatan Ketiga) - KHZ/MDKL/B.PEJ/(02)/-17-134/(166).	17/4/19
4.0	Surat Amaran dari Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) Kepada Pihak Konraktor	
	1. Surat Amaran Pertama - MDKL/UPUB/001/2019 (31)	19/3/19
	2. Surat Amaran Kedua - MDKL/UPUB/001/2019 (50)	30/5/19
	3. Surat Amaran Ketiga - MDKL/UPUB/001/2019 (72)	18/7/19
5.0	Pemantauan tindakan (<i>actions</i>) kontraktor terhadap Surat Amaran Ketiga untuk melihat sama ada Klausu 51.1(b) <i>Termination</i> boleh diteruskan atau tidak	


KE ARAH PENAMATAN KONTRAK - SUDUT KONTRAK -

CARTA ALIRAN PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR
[Klausa 51(a)]



KEARAH PENAMATAN KONTRAK - SUDUT KONTRAK -

sambungan ↓



PP mengeluarkan Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor berdasarkan Klausula 51.1(b) Termination

(P.P. hendaklah melaporkan kepada PYDK mengenai tindakan kontraktor dalam tempoh ini)

Nota:

- = Pegawai Penguasa
- = Pegawai Yang Diberi Kuasa
- = Jawatan Kuasa Penyelamat dan Penyiap Projek Sakit

**KE ARAH PENYAMBUNGAN KERJA OLEH KONTRAKTOR SEDIADA
-SUDUT KONTRAK -**

PENYAMBUNGAN KERJA	
BIL	PERKARA
1.0	Jika Klausa 51.1(a) tidak lagi berlaku, maka Kontrak boleh diteruskan oleh Kontraktor sedia ada
2.0	Kontraktor boleh memohon lanjutan masa (Extension of Time - EOT) dan sekiranya ada asas boleh diberikan EOT yang boleh meminda Tarikh tamat kontrak. Sekiranya tiada EOT kontraktor akan dikenakan LAD iaitu : RM7,240.48/hari. atau RM217,214.40 / bulan atau RM2,642,775.20 / tahun
3.0	Tarikh siap kerja lebih awal dibandingkan peralantikan kontraktor baru. Tarikh Jangkaan Siap (HFMD) – 22hb Januari 2021 Tarikh Jangkaan Siap (Tender Semula) – 22hb Mei 2022

RUMUSAN DAN PENGESYORAN

Berdasarkan kepada :

- a. Perbandingan Kos
iaitu kesan tambahan harga kontrak dan kos-kos lain kepada MDKL dapat dikurangkan
- b. Perbandingan Masa
iaitu tempoh penyediaan keseluruhan kerja yang lebih pendek
- c. Kemajuan kerja dan tatacara penamatan kontak
yang akan mengambil masa dan perlu ketelitian bagi mengelakkan kesan atau tindakan undang-undang

Pengesyoran Perunding-perunding adalah :


KONTRAK SEDIADA DITERUSKAN

- dengan tiga (3) bulan pertama kontraktor perlu membuktikan kemajuan kerja dicapai seperti yang dirancang dan dipersetujui.
- Deed of Assignment (D.O.A) tidak dipersetujui sehingga kontraktor menunjukkan kemajuan kerja yang memberangsangkan.



SENARIO TERKINI

TINDAKAN KE ATAS KONTRAK SELEPAS PENGELUARAN SURAT AMARAN KETIGA



TINDAKAN KE ATAS KONTRAK SELEPAS PENGELUARAN SURAT AMARAN KETIGA DAN SURAT PENANGGUHAN KERJA (6/8/2019)

Surat Amaran
Ketiga
(MDKL/JUPUB/001/2019
(72) bertarikh 18 Julai
2019)

Ada tindakbalas dari pihak
kontraktor

Crash work Program dan ada tindakan
yang diambil oleh kontraktor
(telah masuk ke tapak pada 1/8/2019)

Arahan Henti Kerja di tapak
utama

KESAN 1

Klausu 44
Claims For
Loss And
Expense

Klausu 50 Suspension
of Works,
Sub-Klausu 50.1
Suspension and
Resumption of Works

KESAN 2
Klausu 43 Delay And
Extension Of Time,
Sub-Klausu 43.1(c)

Tamat Kontrak
Klausu 51.1(b)

Kemajuan kerja
tidak memuaskan

Pada Tarikh Asal
Siap Projek
-Certificate of Non
Completion (CNC)

Certificate of
Practical
Completion
(CPC)